

Majlis Belia Malaysia: Quo vadis transformasi era semasa

ABSTRAK

Majlis Belia Malaysia (MBM) yang juga dikenali sebagai Majlis Belia Kebangsaan merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang suaranya diiktiraf bagi mewakili generasi belia di Malaysia. MBM dirangka agar dapat berfungsi sebagai sebuah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dalam menyelaras semua pertubuhan belia yang bergabung di bawahnya. Penubuhan MBM di bawah Peruntukan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bertujuan bagi menggalak dan mendorong pertubuhan belia supaya memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara, merangsang dan mewujudkan perhubungan, kerjasama, persefahaman dan persahabatan antara pertubuhan belia dengan belia yang seimbang dalam pelbagai bidang, dan memupuk sikap bertanggungjawab, patriotisme dan kesukarelawanan dalam kalangan pertubuhan belia. Namun, apakah MBM pada saat ini telah menjelma dalam erti kata sebenar iaitu sebagai pemangkin pembangunan belia di Malaysia secara holistik? Menggunakan maklumat sekunder makalah ini bertujuan untuk membuat penilaian awal tentang status MBM dalam memainkan peranan seperti yang digalurkan. Apakah kehadiran MBM telah dirasai oleh generasi belia di Malaysia secara keseluruhan? Di dalam mendahuluikan kepentingan belia di Malaysia, apakah “hubungan istimewa” MBM dengan generasi belia pada saat ini boleh dianggap melebihi “hubungan istimewa” dengan pihak ketiga sehingga MBM dianggap dekat di hati belia dan integritinya tidak dipersoalkan sama sekali? Penilaian awal ini menunjukkan bahawa MBM cenderunguntuk terikat dengan perancangan bersifat dari atas ke bawah. Dalam perancangan seperti ini matlamat dan cara untuk mencapai sesuatu keputusan banyak ditentukan oleh pihak pemerintah. Lebih malang lagi, MBM dilihat tidak lebih daripada penyediaan gelanggang pendakian pemimpin politik yang bakal ditonjolkan pada masa hadapan. Justeru itu, makalah ini membuka ruang perbincangan tentang isu belia dari sudut yang pelbagai demi membina keupayaan generasi tersebut pada masa hadapan.

Katakunci: Majlis Belia Malaysia (MBM); Pembangunan belia; Peranan belia; Perancangan dari atas ke bawah; Pemimpin politik; Relevansi MBM